Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PUISI MODEN
SAJAK KUINGIN BERTERIMA KASIH

Sesekali kuingin berterima kasih
kepadamu hujan bagai tetamu
jiwa pun menjadi dingin
api amarah pun terpadam.

Sesekali kuingin menyemai budi
kepadamu tanah yang hidup
kerana perutmu setia menghamilkan
rezeki buat petani.

Sesekali kuingin berbisik kepadamu
ikan-ikan yang riang
liar di belantara samudera
kerana sudi membebaskan derita
nelayan tua di pondoknya.

Sesekali kuingin kalungkan kagum
kepadamu pejuang negara
kerana tanganmu pernah berdarah
darah kesetiaan seorang warga
kepada watan tercintanya.

Sesekali kuingin pula menjadi bunga
menebarkan keharuman
di taman-taman keresahan hidup
menyerahkan keinsafan
kepada keangkuhan perang.

Alangkah indahnya dunia
andai semua merenung
kekosongan hidup ini.

1. Apakah maksud *jiwa pun menjadi dingin*?
   A kekuatan di hati
   B kepedihan hati
   C ketenangan hati
   D keresahan hati.

2. Antara berikut, manakah unsur metafora yang terdapat dalam sajak di atas.
   A ikan-ikan yang riang
   B kepadamu hujan bagai tetamu
   C di taman-taman keresahan hidup
   D sesekali kuingin pula menjadi bunga.

3. Sajak di atas bernada
   A sinis
   B romantis
   C melankolik
   D patriotism

4. Antara berikut, yang manakah sebab-sebab pengarang berterima kasih kepada tanah?
   I. menghilang kemarahan
   II. menghilangkan derita nelayan
   III. sentiasa berbakti kepada petani
   IV. mengeluarkan hasil kepada petani.
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

darah kesetiaan seorang warga kepada watan tercintanya

5. Maklumat di atas menggambarkan nilai
   A keinsafan
   B kerajinan
   C kesyukuran
   D patriotisme

LIVEWORKSHEETS